

ENGLISH

Personal Data Protection Notice for Sunway Group of Companies

The Sunway Group of Companies (“**Sunway**”) respects and is committed to the protection of your personal information and your privacy. This Personal Data Protection Notice explains how we collect and handle your personal information in accordance with the Malaysian Personal Data Protection Act 2010. Please note that Sunway may amend this Personal Data Protection Notice at any time without prior notice and will notify you of any such amendment via our website or by email.

(1) Personal information

1.1 *Type of personal information*

Personal information means any information which relates to you and which was collected or provided to Sunway for the purposes stated in Section 2 below.

Your personal information may include your name, NRIC number, contact details, financial and banking account details, CCTV/security recordings and location tracking/GPS information.

1.2 *Source of personal information*

- (i) Customer or potential customer: Sunway collects your personal information directly from you or indirectly from your legal representatives, agents (e.g. travel agents) and/or employer when you, your legal representatives, agents and/or employers send us completed enquiry, application and/or registration forms via various means, including online and physical hardcopies at public venues or in any of our premises. Your personal information may also be collected from cookies through the use of our website.
- (ii) Vendor, supplier, tenant or service provider: Sunway collects your personal information directly from you or indirectly from your employer or credit reference agencies when tendering for projects, when you send us completed enquiry and/or credit application forms via various means, including online and physical hardcopies. Your personal information may also be collected from cookies through the use of our website.

1.3 *Obligatory personal information*

All information requested for in the relevant forms is obligatory to be provided by you unless stated otherwise.

Should you fail to provide the obligatory information, we would be unable to process your request and/or provide you with relevant services.

(2) Purposes of collecting and further processing (including disclosing) your personal information

- (i) Customer or potential customer: Your personal information is collected and further processed by Sunway as required or permitted by law and to give effect to your requested commercial transaction, including the following:
 - to process your requested services;
 - to facilitate your participation in any contests or events;
 - to administer and communicate with you in relation to our services and/or events;

- to process any payments related to your requested service;
- for insurance purposes;
- to apply for relevant travel visas in the event of travel overseas;
- to operate our premises in a manner which is physically safe, secure and befitting of health and safety requirements;
- for internal investigations, audit or security purposes;
- to conduct internal marketing analysis and analysis of customer patterns and choices;
- to comply with Sunway's legal and regulatory obligations in the conduct of its business;
- to contact you regarding products, services, upcoming events, promotions, advertising, marketing and commercial materials which we may feel interest you;
- to ensure that the content from our website is presented in the most effective manner for your and for your computer and/or device; and
- for Sunway's internal records management, customer relations events and activities, and customer loyalty reward program.

Where you have indicated your consent to receiving marketing or promotional updates from Sunway, you may opt-out from receiving such marketing or promotional material at any time. You may select the "unsubscribe" option provided in Sunway's email blasts or you may contact Sunway at the details provided in Section (6) below.

(ii) Vendor, supplier, tenant or service provider: Your personal information is collected and further processed by Sunway as required or permitted by law and to give effect to your requested commercial transaction, including the following:

- to process your credit account application;
- to assess your credit worthiness;
- to administer and give effect to your commercial transaction (tender award, contract for service, tenancy agreement);
- to process any payments related to your commercial transaction;
- for insurance purposes;
- for internal investigations, audit or security purposes;
- to comply with Sunway's legal and regulatory obligations in the conduct of its business;
- to contact you regarding products, services, upcoming events, promotions, advertising, marketing and commercial materials which we may feel interest you;
- to ensure that the content from our website is presented in the most effective manner for your and for your computer and/or device; and

- for Sunway's internal records management.

Where you have indicated your consent to receiving marketing or promotional updates from Sunway, you may opt-out from receiving such marketing or promotional material at any time. You may select the "unsubscribe" option provided in Sunway's email blasts or you may contact Sunway at the details provided in Section (6) below.

(3) Disclosure of personal information

3.1 *Entities within Sunway*

Your personal information provided to us is processed by entities (in or outside of Malaysia) within Sunway (including related companies, subsidiaries, holding companies, associated companies and outsourcing partners).

Sunway will ensure that:

- (i) access to your personal information is restricted to staff who are contractually required to process your personal information in accordance with their respective job requirements; and
- (ii) only necessary information is released to the relevant employees.

3.2 *Classes of third parties*

Your personal information may be disclosed to relevant third parties (in or outside of Malaysia) as required under law, pursuant to relevant contractual relationship (for example, where we appoint third party service providers) or for the purposes stated in Section 2 above (or directly related to those purposes).

In the event of a potential, proposed or actual sale of business, disposal, acquisition, merger or re-organisation ("**Transaction**"), your personal information may be required to be disclosed or transferred to a third party as a result of the Transaction. You hereby acknowledge that such disclosure and transfer may occur and permit Sunway to release your personal information to the other party and its advisers/representatives.

- (i) Customer or potential customer: Your personal information may be disclosed to the following classes of third parties:
 - Third parties appointed by us to provide services to us or on our behalf (such as auditors, lawyers, company secretary, consultants, contractors, professional advisors, communications service providers, printing companies, contractors, conference/training/event organiser, other advisers, travel agencies and insurance companies);
 - Our business partners or affiliates who may jointly provide the service requested for (such as third party hotels or resorts or shopping mall tenants);
 - Utility companies;
 - Property management companies for management of property purchased;

- Foreign embassies (including agencies appointed by foreign embassies to carry out their services) if Sunway assists you in your visa application as part of your requested travel services;
 - Law enforcement agencies, including the local police; and
 - Relevant governmental authorities statutory authorities, local council and industry regulators.
- (ii) Vendor, supplier, tenant or service provider: Your personal information may be disclosed to the following classes of third parties:
- Third parties appointed by us to provide services to us or on our behalf (such as auditors, lawyers, company secretary, printing companies, contractors, conference/training/event organiser, other advisers, travel agencies and insurance companies);
 - Law enforcement agencies, including the local police; and
 - Relevant governmental authorities, statutory authorities, local council and industry regulators.

(4) Websites

4.1 *Links to other sites*

Links to other sites is provided for your convenience and information. These sites may have their own privacy statement in place, which we recommend you review if you visit any linked websites. We are not responsible for the content on the linked sites or any use of the site.

4.2 *Location enabled products or applications*

Location enabled products or applications transmit your location information to us. We do not use the information sent or provided other than to provide the service you request. Location enable features are opt-in and you have control over your participation and can turn these services off at any time or uninstall them.

Some mobile applications will utilize Google Analytics (or similar tool) to help us better serve you through improved products, services, and revisions to the mobile applications. This collected information will not identify you to us. It may, however, let us know anonymously, which services and features you are using the most within the application, as well as device type and hardware features, country and language of download.

4.3 *Cookies*

A cookie may be used in the processing of your information. A cookie is a text file placed into the memory of your computer and/or device by our computers. A copy of this text file is sent by your computer and/or device whenever it communicates with our server. We use cookies to identify you. We may also collect the following information during your visit to our website and/or the fully qualified domain name from which you accessed our site, or alternatively, your IP address:

- (i) the date and time you accessed each page on our web site;
- (ii) the URL of any webpage from which you accessed our site (the referrer); and

(iii) the web browser that you are using and the pages you accessed.

Some web pages may require you to provide a limited amount of personal information in order to enjoy certain services on our websites (system login credentials, email address and contact, etc). These personal information will only be used for its intended purposes only, i.e. to respond to your message or deliver the requested services.

(5) Right to access and correct personal information

You have the right to access and correct your personal information held by us (subject always to certain exemptions). We will make every endeavour to ensure your personal information is accurate and up to date therefore we ask that if there are changes to your information you should notify us directly.

If you would like to access or correct your personal information, please refer to our data access/correction forms available on <http://www.sunwayproperty.com/upload/PersonalDataAccessCorrectionForm.pdf> and send us the completed form or query to the contact details in Item 6 below.

(6) Limiting the processing of personal information, further enquiries and complaints

If:

- (i) you would like to obtain further information on how to limit the processing of your personal information;
- (ii) you have any further query; or
- (iii) you would like to make a complaint in respect of your personal information,

you may contact :-

Customer Service Officer
Customer Service
Sunway Integrated Properties Sdn. Bhd.
Lobby Level, Menara Sunway
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway
47500 Petaling Jaya, Selangor
Customer Care Line: 1-300-88-0011 (Office Hours: Mon-Fri, 9am-6pm)
Email Address: mysunwayproperty@sunway.com.my

(7) Conflict

In the event of any conflict between this English language Personal Data Protection Notice and its corresponding Bahasa Malaysia Personal Data Protection Notice, the terms in this English language Notice shall prevail.

BAHASA MALAYSIA

Notis Perlindungan Data Peribadi Bagi Kumpulan Syarikat Sunway

Kumpulan Syarikat Sunway (“**Sunway**”) menghormati dan komited untuk melindungi maklumat peribadi dan privasi kamu. Notis Perlindungan Data Peribadi ini menjelaskan cara kami mengumpul dan mengendalikan maklumat peribadi kamu mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia. Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin meminda Notis Perlindungan Data Peribadi ini pada sebarang masa tanpa notis terlebih dahulu dan akan memberitahu kamu tentang sebarang pemindaan sebegitu melalui laman web atau e-mel.

(1) Maklumat Peribadi

1.1 *Jenis maklumat peribadi*

Maklumat peribadi bermakna sebarang maklumat yang berkaitan dengan kamu yang dikumpul atau dibekalkan kepada Sunway bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 di bawah.

Maklumat peribadi kamu boleh termasuk nama kamu, nombor NRIC, butir-butir perhubungan, butir-butir kewangan dan akaun bank, CCTV/perakaman keselamatan dan penjejakan lokasi/ maklumat GPS.

1.2 *Sumber maklumat peribadi*

- (i) Pelanggan atau bakal pelanggan: Sunway mengumpul maklumat peribadi secara langsung daripada kamu atau secara tidak langsung daripada wakil-wakil kamu di sisi undang-undang, agen-agen (e.g. agen-agen pelancongan) dan/atau majikan apabila kamu, wakil-wakil kamu di sisi undang-undang, agen-agen dan/atau majikan kamu menghantar borang-borang pertanyaan, permohonan dan/atau pendaftaran yang telah siap diisi melalui pelbagai cara, termasuk salinan secara online dan fizikal di tempat-tempat awam atau di premis kami. Maklumat peribadi kamu juga boleh dikumpul daripada cookies melalui penggunaan laman web kami.
- (ii) Penjual, pembekal, penyewa atau penyedia perkhidmatan: Sunway mengumpul maklumat peribadi kamu secara langsung daripada kamu atau secara tidak langsung daripada majikan atau agensi rujukan kredit apabila menawar tender untuk projek-projek, apabila kamu menghantar kami borang-borang pertanyaan dan/atau permohonan kredit yang telah siap diisi melalui pelbagai cara, termasuk secara online dan fizikal. Maklumat peribadi kamu juga boleh dikumpul daripada cookies melalui penggunaan laman web kami.

1.3 *Maklumat peribadi wajib*

Semua maklumat yang diminta dalam borang-borang yang berkaitan adalah wajib untuk kamu bekalkan melainkan dinyatakan sebaliknya.

Sekiranya kamu gagal untuk membekalkan maklumat wajib, kami tidak akan dapat memproses permintaan kamu dan/atau membekal perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan kepada kamu.

(2) Tujuan-tujuan pengumpulan dan pemprosesan lanjut (termasuk pendedahan) maklumat peribadi kamu

(iii) Pelanggan atau bakal pelanggan: Maklumat peribadi kamu dikumpul dan diproses selanjutnya oleh Sunway seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang dan untuk melaksanakan transaksi komersial yang diminta, termasuk yang berikut:

- untuk memproses perkhidmatan-perkhidmatan yang diminta;
- untuk membolehkan penglibatan kamu dalam mana-mana pertandingan atau acara;
- untuk mengendali dan berkomunikasi dengan kamu berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan dan/atau acara-acara kami;
- untuk memproses mana-mana bayaran yang berkenaan dengan perkhidmatan yang kamu minta;
- untuk tujuan-tujuan insurans;
- untuk memohon visa-visa perjalanan dalam keadaan perjalanan ke luar negara;
- untuk mengendali premis kami dalam suatu cara yang selamat secara fizikal, terjamin dan bersesuaian dengan keperluan-keperluan kesihatan dan keselamatan;
- untuk siasatan dalaman, audit atau tujuan-tujuan keselamatan;
- untuk melakukan analisis pemasaran dalaman dan analisis corak dan pilihan pelanggan;
- untuk mematuhi obligasi-obligasi undang-undang dan kawal selia Sunway dalam perjalanan perniagaannya;
- untuk menghubungi kamu berkenaan produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan, acara-acara akan datang, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan-bahan komersial yang kami rasa dapat menarik minat kamu;
- untuk memastikan kandungan laman web kami ditunjukkan dalam cara yang paling berkesan untuk kamu dan komputer dan/atau peranti kamu; dan
- untuk pengurusan rekod dalaman Sunway, acara dan aktiviti hubungan pelanggan dan program ganjaran kesetiaan pelanggan.

Dalam keadaan kamu telah menunjukkan persetujuan kamu untuk menerima maklumat terkini tentang pemasaran dan promosi daripada Sunway, kamu boleh memilih untuk dikeluarkan daripada menerima bahan pemasaran atau promosi sebegini pada bila-bila masa. Kamu boleh memilih pilihan "unsubscribe" yang dibekalkan dalam e-mel yang dihantar oleh Sunway atau kamu boleh menghubungi Sunway melalui butir-butir yang dibekalkan dalam Seksyen (6) di bawah.

(iv) Penjual, pembekal, penyewa atau penyedia perkhidmatan: Maklumat peribadi kamu dikumpul dan diproses selanjutnya oleh Sunway seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang dan untuk melaksanakan transaksi komersial yang diminta, termasuk yang berikut:

- untuk memproses permohonan akaun kredit kamu;
- untuk menilai kebolehpercayaan kredit kamu;

- untuk mentadbir dan memberi kesan kepada transaksi komersial kamu (pemberian tender, kontrak untuk perkhidmatan, perjanjian penyewaan);
- untuk memproses sebarang bayaran yang berkaitan dengan transaksi komersial kamu;
- untuk tujuan-tujuan insurans;
- untuk siasatan dalaman, audit atau tujuan-tujuan keselamatan;
- untuk mematuhi obligasi-obligasi undang-undang dan kawal selia Sunway dalam perjalanan perniagaannya;
- untuk menghubungi kamu berkenaan produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan, acara-acara akan datang, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan-bahan komersial yang kami rasa dapat menarik minat kamu;
- untuk memastikan kandungan laman web kami ditunjukkan dalam cara yang paling berkesan untuk kamu dan komputer dan/atau peranti kamu; dan
- untuk pengurusan rekod dalaman Sunway.

Dalam keadaan kamu telah menunjukkan persetujuan kamu untuk menerima maklumat terkini tentang pemasaran dan promosi daripada Sunway, kamu boleh memilih untuk dikeluarkan daripada menerima bahan pemasaran atau promosi sebegitu pada bila-bila masa. Kamu boleh memilih pilihan “unsubscribe” yang dibekalkan dalam e-mel yang dihantar oleh Sunway atau kamu boleh menghubungi Sunway melalui butir-butir yang dibekalkan dalam Seksyen (6) di bawah.

(3) Penzahiran maklumat peribadi

3.1 *Entiti-entiti dalam Sunway*

Maklumat peribadi kamu yang dibekalkan kepada kami mungkin diproses oleh entiti-entiti (dalam atau luar Malaysia) dalam Sunway (termasuk syarikat-syarikat berkaitan, subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat induk, syarikat-syarikat bersekutu dan rakan-rakan kongsi khidmat luaran).

Sunway akan memastikan bahawa:

- (i) akses ke maklumat peribadi kamu terhad kepada kakitangan-kakitangan yang diperlukan untuk memproses maklumat peribadi kamu mengikut keperluan-keperluan tugas mereka masing-masing; dan
- (ii) hanya maklumat yang diperlukan dizahirkan kepada pekerja-pekerja berkenaan.

3.2 *Kelas pihak-pihak Ketiga*

Maklumat peribadi kamu mungkin dizahirkan kepada pihak-pihak ketiga yang berkaitan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) seperti yang diperlukan di bawah undang-undang, menurut hubungan kontrak yang berkenaan (sebagai contoh, kami melantik pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga) atau bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 di atas (atau secara langsung berkaitan dengan tujuan-tujuan tersebut).

Dalam keadaan suatu penjualan perniagaan, pelupusan, perolehan, penggabungan atau penyusunan semula yang berpotensi, dirancang atau sebenar (“**Transaksi**”), maklumat peribadi kamu mungkin diperlukan untuk didedahkan atau dipindah kepada suatu pihak ketiga sebagai akibat Transaksi tersebut. Kamu di sini mengaku bahawa pendedahan dan pemindahan sebegini boleh berlaku dan membenarkan Sunway untuk menzahirkan maklumat peribadi kamu kepada pihak-pihak yang lain dan penasihat-penasihat/wakil-wakilnya.

(iii) Pelanggan atau bakal pelanggan: Maklumat peribadi kamu boleh didedahkan kepada kelas pihak-pihak ketiga di bawah:

- Pihak-pihak ketiga yang kami lantik untuk membekalkan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam-peguam, setiausaha-setiausaha syarikat, perunding, kontraktor, penasihat-penasihat profesional, pembekal perkhidmatan komunikasi, syarikat-syarikat percetakan, kontraktor, penganjur-penganjur persidangan/latihan/acara, penasihat-penasihat lain, dan syarikat-syarikat insurans);
- Rakan-rakan niaga atau afiliasi kami yang mungkin turut serta membekalkan perkhidmatan yang kamu minta (pihak ketiga seperti hotel atau resort atau penyewa medan beli-belah)
- Kedutaan-kedutaan asing (termasuk agensi-agensi yang dilantik oleh kedutaan-kedutaan asing untuk menjalankan perkhidmatan mereka) sekiranya Sunway membantu kamu dalam permohonan visa kamu sebagai sebahagian daripada perkhidmatan-perkhidmatan pelancongan yang kamu minta;
- Agensi-agensi penguatkuasa undang-undang termasuk polis tempatan; dan
- Pihak berkuasa kerajaan, pihak berkuasa berkanun, majlis tempatan dan pengawal selia industri yang berkaitan.

(iv) Penjual, pembekal, penyewa atau penyedia perkhidmatan: Maklumat peribadi kamu boleh didedahkan kepada kelas pihak-pihak ketiga di bawah:

- Pihak-pihak ketiga yang kami lantik untuk membekalkan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam-peguam, setiausaha-setiausaha syarikat, syarikat-syarikat percetakan, kontraktor, penganjur-penganjur persidangan/acara, penasihat-penasihat lain, agensi-agensi pelancongan dan syarikat-syarikat insurans);
- Agensi-agensi penguatkuasa undang-undang, termasuk polis tempatan; dan
- Pihak berkuasa kerajaan pihak berkuasa berkanun, majlis tempatan dan pengawal selia industri yang berkaitan.

(4) Laman Web

4.1 *Pautan ke laman-laman web yang lain*

Pautan ke laman-laman web yang lain dibekalkan bagi kemudahan dan maklumat kamu. Laman-laman web ini mungkin mempunyai kenyataan privasi mereka sendiri, yang kami cadangkan kamu menyemak sekiranya kamu melawat mana-mana laman web pautan. Kami tidak bertanggungjawab bagi kandungan dalam pautan laman-laman web atau sebarang penggunaan laman-laman web tersebut.

4.2 Produk-produk atau aplikasi-aplikasi mengesan lokasi

Produk-produk atau aplikasi-aplikasi mengesan lokasi menyampaikan maklumat lokasi kamu kepada kami. Kami tidak menggunakan maklumat yang dihantar atau dibekalkan selain daripada untuk membekalkan perkhidmatan yang kamu minta. Fungsi pengesanan lokasi adalah pilih masuk dan kamu mempunyai kawalan atas penyertaan kamu dan boleh menutup perkhidmatan-perkhidmatan sebegitu pada bila-bila masa atau menyahpasangkannya.

Sesetengah aplikasi mudah alih akan menggunakan Google Analytics (atau alat yang serupa) untuk membantu kami melayan kamu dengan lebih baik melalui produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diperbaiki dan semakan-semakan terhadap aplikasi mudah alih. Maklumat yang terkumpul ini tidak akan mengenalpastikan kamu kepada kami. Walau bagaimanapun, ia mungkin membolehkan kami mengetahui kamu secara sulit tentang perkhidmatan-perkhidmatan dan fungsi-fungsi yang paling kerap kamu gunakan dalam aplikasi tersebut dan juga jenis peranti dan fungsi-fungsi perkakasan, negara dan bahasa muat turun.

4.3 Cookies

Suatu cookie mungkin boleh digunakan dalam pemprosesan maklumat kamu. Suatu cookie ialah fail teks yang ditempatkan di dalam ingatan komputer dan/atau peranti kamu oleh komputer-komputer kami. Suatu salinan fail teks dihantar oleh komputer dan/atau peranti kamu apabila ia berkomunikasi dengan pelayan kami. Kami menggunakan cookies untuk mengenal pasti kamu. Kami juga mungkin mengumpul maklumat berikut semasa kamu melawat laman web dan/atau nama domain berkelayakan penuh yang kamu berasal untuk mengakses laman web kami, atau secara alternatif, alamat IP kamu:

- (i) tarikh dan masa kamu mengakses setiap mukasurat dalam laman web kami;
- (ii) URL bagi sebarang laman web yang kamu berasal untuk mengakses laman web kami (perujuk tersebut); dan
- (iii) pelayar web yang kamu tengah guna dan laman-laman web yang telah kamu akses.

Sesetengah laman web mungkin memerlukan kamu untuk membekalkan sebilangan maklumat peribadi yang terhad untuk menikmati sesetengah perkhidmatan atas laman web kami (wasikah log masuk sistem, alamat e-mel dan perhubungan, dsb). Maklumat peribadi ini hanya akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang dikehendaki sahaja, seperti untuk membalas mesej kamu atau menghantar perkhidmatan-perkhidmatan yang diminta.

(5) Hak untuk mengakses dan meminda maklumat peribadi

Kamu mempunyai hak untuk mengakses dan meminda maklumat peribadi kamu yang kami pegang (tertakhluk selalunya kepada beberapa pengecualian yang tertentu). Kami akan melakukan sedaya usaha untuk memastikan maklumat peribadi kamu adalah tepat dan terkini dan justeru kami meminta agar kamu terus memaklumi kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat kamu.

Jika kamu ingin mengakses atau meminda maklumat peribadi kamu, sila rujuk borang-borang akses data standard/pemindaan yang terdapat di <http://www.sunwayproperty.com/upload/PersonalDataAccessCorrectionForm.pdf> dan hantar borang yang telah siap diisi atau pertanyaan ke butir-butir perhubungan dalam Item 6 di bawah.

(6) Pengehadan pemprosesan maklumat peribadi, pertanyaan lanjut dan aduan

Sekiranya:

- (i) kamu ingin memperoleh maklumat lanjut tentang cara untuk mengehadkan pemprosesan maklumat peribadi kamu;
- (ii) kamu mempunyai pertanyaan lanjut; atau
- (iii) kamu ingin membuat suatu aduan berkenaan dengan maklumat peribadi kamu,

kamu boleh menghubungi:-

Customer Service Officer
Customer Service
Sunway Integrated Properties Sdn. Bhd.
Lobby Level, Menara Sunway
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway
47500 Petaling Jaya, Selangor
Customer Care Line: 1-300-88-0011 (Office Hours: Mon-Fri, 9am-6pm)
Email Address: mysunwayproperty@sunway.com.my

(7) Konflik

Dalam keadaan berlakunya sebarang konflik antara Notis Perlindungan Data Peribadi ini dalam bahasa Inggeris dengan Notis Perlindungan Data Peribadi ini dalam Bahasa Malaysia yang sepadan dengannya, terma-terma Notis dalam Bahasa Inggeris akan diguna pakai.